

Buletin PERLINDUNGAN PENGUNA



www.kpdnhq.gov.my **Consumer Protection Bulletin**

Diterbitkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia dengan kerjasama Majlis Hal Ehwal Pengguna (WP) Kuala Lumpur
Published by the Ministry of Domestic Trade & Consumer Affairs, Malaysia in collaboration with the Majlis Hal Ehwal Pengguna (WP) Kuala Lumpur

NO. ISSN 1511-6581

BIL 7/2002

Hari Dan Minggu Pengguna Malaysia 2002

"Kemakmuran Negara : Tanggungjawab Bersama Pengguna Dan Peniaga"



Sambutan Hari dan Minggu Pengguna Malaysia pada tahun ini akan bermula pada 26hb Julai hingga 1hb Ogos 2002 dengan tema "Kemakmuran Negara : Tanggungjawab Bersama Pengguna Dan Peniaga".

Kemakmuran Negara yang ingin dicapai pada hakikatnya perlu kesepadan, kesepakatan dan toleransi di antara golongan peniaga dan masyarakat pengguna. Bagi mewujudkan kemakmuran, masyarakat pengguna dan golongan peniaga mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan agar kestabilan ekonomi, politik dan sosio budaya dapat dipertahankan dan berterusan pada masa-masa yang akan datang seiring dengan perkembangan dan kemajuan teknologi masa kini.

Peniaga yang bertanggungjawab adalah peniaga yang beretika dalam menjalankan amalan perniagaan masing-

bersambung di mukasurat 3

Penipuan Kad ATM, Merugikan Pengguna

Seorang pengguna dengan nada marah menempelak apabila sejumlah wang yang disimpannya dalam sebuah bank telah dicuri oleh seorang penyangak. Dia tidak mengetahui bagaimana cara wang simpanannya itu dicuri padahal kad juruwang automatik (kad ATM) dan buku simpanan ada padanya. Manakala pengguna lain pula memberitahu, sewaktu ketika dahulu menyimpan wang di bawah bantal dianggap tidak selamat kerana mudah dicuri, digigit lipas atau tikus malah berputih mata apabila rumah terbakar.

Namun bagaimana pula jika wang yang disimpan di bank sebagai institusi yang dianggap selamat tetapi masih tidak selamat? Dalam keadaan demikian, di manakah lagi tempat bagi pelanggan berkenaan dapat menyimpan wang untuk menjamin keselamatan wang simpanannya itu?

Sebagaimana yang kita sedia maklum, semenjak wujudnya teknologi maklumat dan era internet, kita tidak lagi perlu berbaris panjang atau menunggu masa yang agak lama di bank semata-mata untuk

menyimpan sejumlah wang simpanan, mengetahui baki simpanan, memindahkan wang kepada akaun yang lain, membuat pembayaran kad kredit dan sebagainya. Kesemua ini telah disediakan oleh pihak bank dalam setiap operasi mereka bagi memudahkan dan menyenangkan para pelanggan untuk berurus dengan pihak bank.

Namun, jika dilihat kepada perkembangan dalam urusan perbankan di Malaysia dewasa ini, apakah pelanggan masih mempercayai bahawa menyimpan wang dan membuat pengeluaran wang simpanan melalui mesin ATM bank dianggap selamat?

Sukar mempercayai bahawa tidak mungkin pencuri dan perompak siber di zaman moden dapat mengeluarkan wang simpanan dari akaun bank orang lain dengan mudah kerana nombor pengenalan persendirian (NPP) dan nombor akaun adalah nombor rahsia pelanggan-pelanggan bank terbabit. Nombor NPP hanya diketahui oleh pelanggan sahaja tetapi tidak oleh pihak bank kecuali nombor akaun pelanggan yang berurus dengan pihak bank terbabit. Namun persoalannya, bagaimanakah setiap kali pelanggan menyimpan wang di bank, wang simpanan pelanggan terbabit sering dikeluarkan tanpa pengetahuan pelanggan berkenaan.

Hari ini, kita jangan menganggap bahawa teknologi maklumat dan internet itu bersih dari dicerobohi oleh

bersambung di mukasurat 3

SIDANG PENGARANG

Penasihat

Y. B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji. Mohd. Yassin
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia.

Penolong Penasihat

Y. B. Dato' S. Subramaniam
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia.

Y. Bhg. Datu Dr. Sulaiman B. Mahbob
Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Ketua Pengarang
Haji Wan Mansor bin Wan Omar
Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Penasihat Pengarang
Normah Sheikh Abdullah
Yap Kon Lim
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Nik Suzana Nik Shapik
Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna

Penolong Pengarang
Anyi Ngau
Penolong Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Noor Jamal Ali
Penolong Pegawai Penerbitan,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

**Penasihat Publisiti Dan
Hal Ehwal Korporat**
James Tho
Ketua, Publisiti dan Hal Ehwal Korporat,
Buletin Perlindungan Pengguna

Sumithra
Noor Amilia
Habeebah Sideeka
Aishah Abd. Rahman
Chwa Ah Chuan
Norman Tee
Pegawai-pegawai Kordinator dan
Perhubungan Buletin

Alamat :

Buletin Perlindungan Pengguna,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna,
Tingkat 32, Bangunan Daya Bumi,
Jalan Sultan Hishamuddin
50623 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2260 1806

No. Faks : 03-2260 1807• 2274 7628
E-mail : buletin@kpdhq.gov.my

Buletin Perlindungan Pengguna
merupakan projek usahasama Kementerian
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna dengan kerjasama Majlis Hal
Ehwal Pengguna (WP) Kuala Lumpur dan
diterbitkan secara bulanan. Rencana-rencana
yang diterbitkan dalam buletin ini adalah
pandangan peribadi penulis dan tidak
semestinya menggambarkan pendirian
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna.

Iklan yang terkandung
bukanlah sebahagian dari
terbitan buletin ini.



ISBN 1511-6581
9 781511 658011

SUGAR PENGARANG



Pada bulan ini, kita akan menyambut Hari dan Minggu Pengguna Malaysia bagi kali yang kedua sejak hari yang bersejarah ini diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun 2001. Sambutan Hari dan Minggu Pengguna Malaysia tahun 2002 akan diadakan dari 26 Julai hingga 1 Ogos 2002 dan sambutan ini akan diadakan serentak di peringkat kebangsaan dan peringkat negeri.

Tema Hari dan Minggu Pengguna untuk tahun ini ialah “**Kemakmuran Negara: Tanggungjawab Bersama Pengguna dan Peniaga**”. Tema ini adalah tepat sekali dihayati dalam suasana kita sedang menghadapi pelbagai cabaran yang datang melalui perubahan teknologi dan globalisasi. Setiap pengguna dan peniaga perlu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan pasaran negara berada dalam keadaan aman dan makmur.

Bagi peniaga, mereka perlu senantiasa menjalankan perniagaan secara beretika tanpa mengamalkan taktik-taktik penipuan dan penyelewengan yang boleh merugikan pengguna. Para peniaga yang sering menipu dan menyeleweng akan mewujudkan rasa tidak puas hati pengguna yang akhirnya mengakibatkan suasana kelam kabut dalam pasaran, seperti kenaikan harga yang berterusan, cetak rompak, pengeluaran barang tiruan, perniagaan haram dan sebagainya. Peniaga tidak seharusnya mementingkan keuntungan semata-mata, sehingga kepentingan pengguna diabaikan. Peniaga yang jujur dan bertanggungjawab akan menyediakan barang dan perkhidmatan barang yang selamat, berkualiti dan pada harga yang berpatutan.

Sementara bagi pengguna pula, mereka perlu senantiasa berusaha meningkatkan pengetahuan kepenggunaan mereka. Pengguna yang bermaklumat dan berpengetahuan akan dapat bertindak dengan bijak, terutamanya dalam menentu aspek perbelanjaannya. Pengguna yang bijak juga dapat mengelakkan diri dari mudah ditipu oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab. Di samping itu, pengguna dapat menyokong peniaga dengan membeli dan mengutamakan barang tempatan. Pengguna dan peniaga juga dapat mewujudkan suasana pasaran yang baik melalui kerjasama dalam menentukan jumlah permintaan dan penawaran agar harga sesuatu barang itu dapat distabilkan.

Pada dasarnya, kerjasama dan kesefahaman akan kehendak dan tanggungjawab masing-masing akan dapat mengukuhkan hubungan pengguna dan peniaga yang mendorong kepada pertumbuhan ekonomi yang mantap dan seterusnya membawa kemakmuran kepada negara.

- Pengarang

sambungan dari mukasurat 1

masing dan ini dapat dilihat dari beberapa aspek seperti kualiti barang dan perkhidmatan, keutamaan kepada keselamatan barang, menjual dengan harga yang berpatutan dan sentiasa bersikap jujur kepada pengguna.

Masyarakat pengguna pula perlu menyokong para peniaga dengan membeli dan mengutamakan barang tempatan. Di samping masyarakat pengguna juga tidak perlu menekan para peniaga sehingga mereka tidak dapat membuat pilihan antara memenuhi permintaan pengguna yang inginkan barang murah dengan keuntungan yang menjadi matlamat perniagaan mereka.

Masyarakat pengguna hari ini tidak sewajarnya mengharapkan barang yang murah harganya. Aspek kualiti dan mutu sebenarnya menjadi pertimbangan yang utama. Untuk mendapat barang yang berkualiti dan bermutu pengguna perlu membayar lebih dan ini boleh membantu golongan peniaga meningkatkan pendapatan dan seterusnya berusaha untuk mengekalkan kualiti. Persefahaman dan saling memahami kehendak dan tanggungjawab masing-

masing akan mengukuhkan lagi hubungan antara pengguna dan peniaga, dan ini akan mendorong kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap dan seterusnya bersama-sama membawa kepada "Kemakmuran Negara".

Majlis Pelancaran Hari dan Minggu Pengguna Malaysia 2002 akan diadakan pada 26hb Julai 2002 bertempat di Dewan Tun Dr. Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra yang akan dirasmikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Pada sebelah malamnya pula pukul 8.00 malam, akan diadakan Malam Anugerah Pengguna dan Media 2002. Sempena sambutan ini juga diadakan Ekspo dan Pameran Kepenggunaan 2002 di Dewan Tun Hussein Onn, PWTC bermula 10.00 pagi hingga 10.00 malam pada 26 - 29hb Julai 2002. Aktiviti-aktiviti lain juga diadakan seperti Larian Pengguna, Karnival Pengguna, Senamrobik, 'Family Walk' dan 'Treasure Hunt' pada 27 - 28hb Julai di Stadium Shah Alam, Pertandingan Pidato Kepenggunaan IPT 2002 pada 1hb Ogos di Hotel Armada PJ, Seminar dan Forum Kepenggunaan 2002 bermula 26hb Julai di seluruh negara.

sambungan dari mukasurat 1

penyangak-penyangak siber. Di Amerika dan Eropah sebelum ini, banyak kes wang "berbilion dollar" dikeluarkan dari akaun pelanggan bank dan pembayar mastercard oleh kumpulan mafia yang menjadikan kumpulan berkenaan kaya raya dan ditakuti.

Malahan satu kes yang berlaku di sebuah bank di Gua Musang, Kelantan pada bulan Jun yang lalu amat jelas penggunaan internet adalah salah satu cara untuk mendapatkan wang paling mudah dengan memindahkan wang simpanan akaun orang lain kepada akaun yang seterusnya tanpa pengetahuan penyimpannya. Kes ini terdedah apabila wang simpanan seorang juruteknik di sebuah bank berkenaan berjumlah RM1,090.00 pada 10 Jun yang lalu telah didapati hilang sebanyak RM985.00 yang dipercayai dipindahkan melalui 'internet' oleh seorang lelaki yang tidak dikenali.

Hari ini, kebimbangan pelanggan bank terbabit turut terserlah apabila mesin juruwang automatik (ATM)

dianggap cara paling mudah dilakukan oleh orang yang tidak dikenali untuk mengeluarkan wang simpanan pemilik kad berkenaan. Jika sebelum ini, pemegang kad ATM digalakkan untuk merahsiakan nombor pengenalan diri (PIN) yang diberi oleh pihak bank ketika mengambil kad serta memusnahkannya selepas menghafalnya. Malah pemegang kad ATM juga tidak digalakkan untuk menulis nombor PIN berkenaan pada kad atau di mana-mana dalam dompet. Seterusnya pemegang kad ATM juga disarankan supaya tidak meminta pertolongan orang lain walaupun boleh dipercayai untuk mengeluarkan wang dalam usaha untuk mengelakkan nombor PINnya ditiru oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Walaupun begitu, semenjak wujudnya peralatan dan teknologi canggih yang boleh

dicipta dengan mudah oleh tangan manusia, maka keskes pengklonan kad ATM adalah suatu citarasa baru dalam dunia perbankan apabila pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengklon kad ATM sebagai kerja yang dianggap mudah untuk menikmati jumlah wang yang banyak tanpa berpenat lelah.

Dalam kes pengklonan kad ATM ini, polis berjaya menggagalkan cubaan satu sindiket untuk mengeluarkan lebih RM157 juta dari mesin juruwang automatik (ATM) di sekitar Lembah Klang selepas menahan dua lelaki dan merampas 7,894 kad ATM palsu. Polis juga turut merampas komputer, skimmer, encoder, bateri, alat pemain video, pemain CCTV dan televisyen yang digunakan oleh sindiket berkenaan.

Dalam usaha untuk mencegah perbuatan sindiket berkenaan, pihak bank telah mengambil langkah-langkah wajar dengan menyarankan supaya setiap pemegang kad ATM sentiasa berhati-hari terhadap

bersambung di mukasurat 4

Iklan Yang Mengelirukan Pengguna Kawalan Perlu Diperketatkan

Dalam kehidupan seharian, kita tidak dapat lari daripada iklan. Melalui lebuhraya, kita dijamu dengan billboard iklan kereta, barang elektrik dan lain-lain. Mendengar radio dan televisyen, kita terlihat iklan pelbagai produk dan membaca akhbar dan majalah, kita terpandang variasi iklan yang kreatif.

Tambahan pula, industri iklan kini pesat berkembang. Di Amerika Syarikat misalnya, industri iklan mengaut keuntungan lebih daripada US\$300 bilion setahun. Pada tahun 2000, perbelanjaan iklan mencapai RM3078000 berbanding RM2519000 pada tahun 1999. Jelas, angka yang besar ini menunjukkan betapa industri ini berkembang pesat di seluruh dunia, tidak terkecuali Malaysia.

Apakah maksud periklanan? Mohd Hamdan Adnan (1997) mentakrifkan periklanan sebagai usaha penerangan dan pemujuk mengenai barang-barang, perkhidmatan atau idea. Berdasarkan definisi ini, matlamat periklanan ialah untuk memastikan sesuatu barang atau periklanan yang diumumkan itu dikenali dan laris dijual, atau idea yang dikemukakan itu diterima dan disokong oleh masyarakat sasarnya.

Apakah relevannya periklanan dalam kehidupan kita? Periklanan sebenarnya memainkan peranan yang besar dalam kehidupan manusia walaupun tempoh siarannya hanya 30 saat hingga satu minit sahaja dalam media elektronik. Iklan mempunyai fungsi sebagai pemberitahu tentang kewujudan produk baru di pasaran di samping mengingatkan pengguna tentang kewujudan produk sedia ada. Selain itu, menurut Hamdan Adnan (1997), fungsi periklanan turut jelas kepada syarikat media yang menyiarkannya. Periklanan turut membiaya media massa. Tanpa periklanan, agak sukar bagi syarikat akhbar, majalah atau televisyen swasta menyediakan perkhidmatan dengan harga yang murah.

Namun, adakah semua iklan yang tersiar di media massa Malaysia dapat memenuhi fungsi periklanan ini tanpa menyalahi etika periklanan itu sendiri?

sambungan dari mukasurat 3

kewujudan benda-benda ganjil yang dipasang pada mesin ATM oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab serta menghadkan pengeluaran maksimum sebanyak RM1,000.00 berbanding RM3,000.00 sebelumnya.

Walau bagaimanapun, banyak pihak khususnya pertubuhan-pertubuhan pengguna pernah menyarankan supaya bank-bank mempertingkatkan sistem keselamatan mereka.

Menurut Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S. M. Mohamed Idris bahawa bank-bank disarankan menggunakan sistem pengenalan diri menggunakan cap jari sebagai ganti nombor pengenalan diri (PIN). Tetapi bank tidak mempedulikannya kerana ia memerlukan kos tambahan. Hasilnya, pengguna sekali lagi terpaksa berdepan beratus-ratus kes penipuan pengeluaran.

Perlu dijelaskan bahawa, penggunaan kad ATM sebenarnya mengundang risiko yang tinggi yang harus

Antara isu yang hangat diperdebatkan di kalangan sarjana bidang ini ialah penghasilan iklan yang mengelirukan pengguna, menipu pengguna dan memujuk

pengguna membeli produk yang tidak sepatutnya. Isu-isu lain yang perlu disedari pengguna ialah eksplorasi wanita dan kanak-kanak dalam iklan, iklan yang mengandungi unsur lucu dan seks. Ada juga iklan yang begitu mengagung-agungkan budaya asing yang meminggirkan citra budaya Malaysia. Iklan-iklan seperti ini memberikan impak yang negatif kepada masyarakat untuk jangka masa panjang.

Menyedari impak negatif iklan kepada masyarakat, kawalan yang sewajarnya perlu diambil oleh kerajaan supaya masyarakat tidak menerima kesan buruk daripadanya. Selama ini, terdapat beberapa kod etika iklan yang dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan. Kod ini dihasilkan setelah mengambil kira pandangan agensi periklanan dan persatuan-persatuan pengguna (Dewan Masyarakat, Jun 2002). Namun, rakyat masih memerlukan satu kod etika yang lebih komprehensif dan nyata daripada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Walau bagaimanapun, garis panduan untuk iklan ubat-ubatan ada termaktub di negara ini. Kewujudan KKLIU (Kementerian Kesihatan Lembaga Iklan Ubat) yang memantau penyiaran ubat-ubatan sedikit sebanyak membantu pengguna mendapat hak mereka yang sepatutnya.

Kesimpulannya, kawalan yang ada masih kabur untuk mengelakkan pengguna tertipu dengan iklan dan terpedaya dengan janji-janji manis iklan. Kawalan yang lebih tegas perlu dilaksanakan demi memastikan hak pengguna lebih terpelihara.

Rujukan:

Dewan Masyarakat, Jun 2002

Mohd Hamdan Adnan. *Periklanan Suatu Pengenalan*.

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kuala Lumpur : 1997

Oleh: Siti Suriani Hj Othman, Rembau, Negeri Sembilan

ditanggung oleh setiap pemegang kad berkenaan. Ini kerana, walaupun kad ATM lebih memudahkan pelanggan mengeluarkan wang dari bank, namun dari sudut lain, akibat dari sikap tergesa-gesa pelanggan untuk mengeluarkan wangnya itu tanpa menduga wujudnya benda-benda ganjil dalam mesin ATM menjadikan mereka adalah mangsa sindiket yang cuba menipu pelanggan-pelanggan bank dengan cara mendapatkan wang secara mudah.

Dengan itu, berhati-hatilah semasa berurus dengan mesin ATM kerana akibat kecuaian akan menyebabkan kehilangan wang dari akaun. Elakkan mendedahkan nombor PIN kepada orang lain dan jika dibimbangi nombor PIN yang sering digunakan itu dirasakan tidak selamat, sila lakukan penukaran dengan segera supaya ia lebih selamat dan tidak mudah diketahui oleh pihak-pihak lain.

Rujukan: Berita Harian, 25 Jun 2002 & Harian Metro, 27 Jun 2002

Oleh: Azmi Mohd Salleh, Persatuan Pengguna-Pengguna Kelantan

Plants

Natural Healers

The medicinal properties of plants and herbs such as gingko, tongkat ali, garlic, ginger and others have been well publicised and commercialised. However, many of us fail to recognise that some of the ordinary plants and herbs in our very own garden have powerful medicinal properties.

Here are some beneficial and surprising information on these wonderful yet ordinary healers :



Parsley

This herb is packed with minerals such as calcium, magnesium, sodium and essential fatty acids, as well as vitamins A, B and C. Just sprinkle a spoonful of parsley over your food in lieu of a daily supplement, as it's one of nature's best immune system boosters. It can also help cure hangovers and an excellent liver tonic. Avoid it during pregnancy or if you suffer from kidney disease.

Jasmine

This wonderful plant with its tantalisingly fragrant flowers has been used for centuries in ayurvedic medicine to cure nervous headaches, period pains and calm nerves. It contains salicylic acid from which aspirin is derived. Pick the flowers and soak them in warm water for five minutes. Use as a compress on the forehead or tummy.

Aloe Vera

The plant is a rich natural cocktail of more than 30 vitamins and minerals including lignin, which rapidly heals epithelial tissues (*a delicate layer of cells that line the surface of the body*). Excellent for minor burns, it can also give rapid relief for acne sufferers and babies with nappy rash. Just pick a leaf and split open with a knife and press out the fleshy jelly inside.

Lavender

You can make your own lavender oil by infusing fresh blooms in virgin olive oil for all irritable skin conditions. The plant also has an antiseptic, calming and detoxifying properties and is excellent for treating burns, bites and stings. You can also make a fresh lavender tea by infusing blooms in hot water. It relieves fevers, insomnia and nervous exhaustion.

Pot Marigolds

Suffering from tired and overstrained eyes after a long day of gazing at the



computer monitor in the office? Then mix a tablespoon of fresh bright orange pot marigold petals in 300ml of warm water and steep for five minutes before using as an eye compress. Here is another surprise...make a soothing salve for aching joints by mixing equal parts of crushed marigold leaves with butter or margarine.

Turmeric

Soak rice grains in water overnight, then mix it with equal parts of turmeric which has been finely pound. This can be used as a body scrub which also heals up cuts and blisters on the skin. Just be sure not to wear light coloured attire the whole day after that lest you want to end up with yellow colour on your garments.

White Hibiscus

Soak a handful of white hibiscus leaves in water crush and squeeze the leaves with your hands and leave it for 10 minutes before wetting your head, forehead and face with the liquid. This would give a soothing and cooling relief if you're running a high fever.

Surprised? Well you're not the only one.....sometimes problems can be solved by using simple ordinary things, so take note of all the above and never bypass these natural healers in the future.

Disesuaikan dari *The Malay Mail*
(Saturday, January 27, 2001)

Oleh : Yasmeen Yasim,
Bhg. Perancangan & Pembangunan,
KPDN&HEP




Pemimpin Masyarakat Boleh Bantu Sebarkan Maklumat Kepenggunaan

Pengetahuan mengenai kepenggunaan mula dirasakan pentingnya diperluaskan ke setiap pelusuk negara ini. Berleluasanya perniagaan yang tidak beretika telah menuntut pengguna-pengguna memperkasakan diri mereka dengan pengetahuan kepenggunaan. Setiap peringkat masyarakat perlu dibekalkan maklumat kepenggunaan. Ianya tidak terbatas untuk pelajar-pelajar atau golongan tertentu sahaja.

Keperluan ini telah dapat dikesan melalui maklum balas Program 'Smart Partnership' antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

dapat mengujudkan Kelab Pengguna di bawah KRT Batu Sawar untuk membantu pengguna-pengguna di sini menangani isu-isu kepenggunaan".

Pegawai-pegawai dari Bahagian Penguatkuasa dan Bahagian Hal Ehwal Pengguna KPDN&HEP telah memberikan ceramah yang berkaitan dengan undang-undang yang melindungi pengguna dan hak-hak



Tuan Haji Shamsuddin bin Mohd. Ali :

".....kami akan wujudkan Kelab Pengguna bagi membantu pengguna-pengguna di sini".



Ahli-ahli KRT Batu Sawar sedang mengikuti Ceramah Pendidikan Pengguna.

(KPDN&HEP) dengan Jabatan Penerangan Malaysia dalam Kempen Kesedaran Pengguna yang sedang dilaksanakan di seluruh negara.

Pemimpin-pemimpin masyarakat yang dilibatkan sebagai peserta kempen ini telah menyuarakan harapan supaya penyebaran maklumat kepenggunaan dapat diperluaskan hingga ke luar bandar. Mereka juga turut mengalu-alukan hasrat KPDN&HEP untuk menubuhkan Kelab-Kelab Pengguna di bawah pertubuhan-pertubuhan yang sedia ada. Bagaimanapun, bimbingan diperlukan untuk memastikan Kelab-Kelab Pengguna yang ditubuhkan kelak dapat berfungsi dengan sempurna.

Pemimpin-pemimpin masyarakat juga boleh membantu menyebarkan maklumat kepenggunaan kepada masyarakat pimpinan mereka dengan menganjurkan majlis-majlis ceramah, bengkel dan sebagainya. Pegawai-Pegawai dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN&HEP) boleh dipanggil untuk mendapatkan khidmat mereka.

Baru-baru ini Kawasan Rukun Tetangga Batu Sawar, Temerloh, Pahang menganjurkan Majlis Ceramah Pendidikan Pengguna untuk ahli-ahlinya. Menurut pengurusnya, Tuan Haji Shamsuddin bin Mohd. Ali, "melalui majlis ceramah ini, kami dapat maklumat-maklumat penting yang boleh membantu pengguna-pengguna di Kawasan Rukun Tetangga ini dalam kehidupan hariannya. Kami juga berharap akan



Pegawai KPDN&HEP sedang memberikan Ceramah kepada Ahli-Ahli Rukun Tetangga

serta tanggungjawab setiap pengguna. Pegawai Perpaduan Daerah dan Penghulu Mukim Jenderak juga turut hadir dalam majlis tersebut.

Dalam majlis yang sama juga ahli-ahli Kawasan Rukun Tetangga Batu Sawar telah membangkitkan isu-isu semasa berkaitan berbagai masalah jualan langsung dan perniagaan yang tidak bermoral.



Peserta-peserta lelaki yang terlibat di dalam Kem Kepenggunaan Sekolah Menengah 2002 Peringkat Negeri Pulau Pinang.

aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah 'Blind Trial', senaman di tepi pantai, lawatan ke Tanjung Dawai, persembahan berkumpulan seperti sketsa, puisi dan dikir barat. Selain itu, kegiatan berunsurkan ilmiah juga tidak dilupakan. Antara aktiviti-aktiviti tersebut adalah ceramah motivasi, ceramah kepenggunaan (yang dibahagikan kepada 4 ceramah, setiap ceramah disampaikan oleh JPN, KPDN&HEP, dan CAP), kuliah subuh dan maghrib bagi peserta muslim manakala peserta bukan Islam diberi kuliah pendidikan moral. Hasil maklumbalas daripada

Kem Kepenggunaan Sekolah Menengah 2002 Peringkat Negeri Pulau Pinang

Majlis Hal Ehwal Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Kem Kepenggunaan bagi Kelab-Kelab Sekolah Menengah Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 24 hingga 26 Jun 2002 bertempat di Pantai Merdeka Resort, Pantai Merdeka, Kedah Darul Aman. Tujuan kem ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan awal



Senaman beramai-ramai di tepi Pantai Merdeka.

kepada para pelajar mengenai tanggungjawab sebagai pengguna selain menjadi seorang pengguna yang baik. Seramai 106 orang pelajar (57 orang pelajar lelaki dan 49 orang pelajar perempuan) dari pelbagai sekolah di negeri Pulau Pinang hadir untuk mengikuti program ini. Mengikut data, seramai 77 orang pelajar adalah pelajar Melayu, Cina 18 orang pelajar dan India 11 orang pelajar. Selain itu, seramai 5 orang urusetia dari Majlis Hal Ehwal Negeri Pulau Pinang dan 11 orang dari Jabatan Negeri Pulau Pinang terlibat dalam perlaksanaan program ini. Pelbagai program dilaksanakan sepanjang 3 hari 2 malam kem tersebut diadakan. Aktiviti dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu pagi, petang dan malam. Kesemua aktiviti ini dikendali dan dibimbing oleh kem komandan, Cikgu Zainuddin dari JPN Pulau Pinang serta para pegawai urusetia yang lain. Antara



Peserta-peserta sedang mengikuti ceramah.

para peserta amat memberangsangkan apabila rata-rata mengatakan bahawa kem sebegini amat bermakna buat mereka dan ada sesetengahnya mencadangkan supaya kem ini diteruskan setiap tahun dengan menambahkan 3 hari kepada seminggu dan aktiviti yang lebih mencabar. Kesimpulannya, pihak penganjur bersetuju meneruskan program ini pada masa-masa akan datang dan akan mencari lebih banyak idea dan aktiviti yang sesuai kepada pelajar-pelajar tersebut dengan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan Persekutuan dan Negeri.



Pembahagian kumpulan dan majlis suaikenal.

Sumber Makanan Ubahsuai Genetik Dari Sudut Islam - *Mesti Halal*

Mufti Johor, Y. Bhg. Datuk Nooh Gadut memberi penjelasan mengenai sumber makanan ubahsuai genetik (GM). Dalam menghadapi perubahan teknologi makanan hasil penemuan para saintis, pengguna Islam perlu memperincikan beberapa aspek hukum. Langkah ini dapat mengelakkan umat daripada termakan sesuatu yang menimbulkan syak atau subahat.

Dari segi pemakanan, Islam menuntut umatnya memilih bukan sahaja yang halal tetapi menepati halal lagi baik seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran. Ini kerana makanan membentuk hati serta sifat manusia untuk seseorang itu menjadi baik atau sebaliknya.

Makanan yang dihasilkan daripada proses makanan ubahsuai genetik boleh dimakan selagi sumber yang digunakan halal. Berdasarkan Majlis Fatwa:-

"Selagi sumber yang digunakan untuk menghasilkan makanan GM ini

halal, maka ia halal melainkan dalam keadaan darurat, yang haram boleh menjadi halal".

Walau bagaimanapun, penggunaan bioteknologi DNA dalam pemerosesan makanan dan minuman belum sampai ke tahap yang boleh dikatakan darurat kerana masih ada pilihan bahan yang lain. Barang, makanan dan minuman yang diproses melalui kaedah bioteknologi DNA khinzir adalah bercanggah dengan syarak yang mana hukumnya haram. Selagi bahan protein haiwan berkenaan adalah di dalam perumah atau sel yang menjadi benih sama ada kepada manusia, haiwan atau tumbuhan bagi tujuan pembiakan dan kesuburan, ia tidak boleh dihukum halal kerana bahan khinzir merupakan najis berat.

Kaedah hukum fikah tidak boleh digunakan dalam pemindahan sel atau gen babi melalui DNA kerana dibimbangi akan menimbulkan fitnah dan boleh membawa kepada sensitiviti di kalangan pengguna Islam. Jika asal sesuatu perkara



yang harus adalah hukumnya halal, dan asal sesuatu perkara yang haram adalah hukumnya haram, sama ada banyak atau sedikit maka hukumnya tetap haram.

Oleh yang demikian, pengguna Islam dinasihatkan agar berhati-hati memilih makanan agar tidak terjerumus dalam perkara-perkara haram atau subahat. Ia tidak meliputi khinzir semata-mata tetapi juga haiwan-haiwan lain yang halal tetapi tidak disembelih mengikut syarak.

Dalam masa yang sama, saintis perlu jujur dan telus dalam kajian atau hasil yang diperolehi kerana maklumat yang salah akan menyebabkan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa juga tidak tepat.

Sambungan dari isu Bulan Jun

Minggu Tanpa Tembakau Kebangsaan 2002 Sukan Tanpa Tembakau *Bersukan Dengan Bersih*

Kesan tembakau terhadap tubuh badan

i. Stamina

- Perokok pada keseluruhannya mempunyai kurang keupayaan fizikal.
- Merokok mengurangkan stamina.
- Otot - Nikotin dalam tembakau menyebabkan bekalan darah ke otot berkurangan dan menyebabkan kekuatan otot juga berkurangan.
- Darah - Karbon monoksida dalam asap rokok mengganggu kemampuan darah membawa oksigen ke tisu-tisu badan. Nikotin dalam tembakau mengecutkan saluran darah, mengecut dan menjelaskan



bahan nutrien ke organ-organ badan.

- Paru-paru - Kerosakan alveoli menyebabkan paru-paru kurang elastik dan menjelaskan pertukaran gas.
- Jantung - Nikotin dalam tembakau menyebabkan kadar degupan

jantung meningkat semasa rehat. Ini membebankan otot jantung kerana ia perlu mengepam lebih darah apabila senaman dilakukan.

bersambung di mukasurat 10

Penguatkuasaan Tanda Harga Di Bengkel Kenderaan

Langkah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN&HEP) menguatkuasakan pelabelan atau tanda harga alat ganti di bengkel-bengkel pemberian kenderaan pada 1 Julai 2002 lalu di seluruh negara dilihat memberi satu lagi perlindungan kebaikan kepada pengguna. Ini memandangkan di Malaysia kini telah ramai rakyatnya yang memiliki kenderaan persendirian seperti motosikal, kereta, van dan sebagainya. Kewujudan banyak bengkel-bengkel pemberian kenderaan bagaikan tumbuhnya cendawan selepas hujan telah memberi alternatif kepada pengguna untuk membuat pilihan. Namun begitu, tidak ada tanda harga yang diletakkan untuk alat ganti di bengkel-bengkel telah menyukarkan para pengguna untuk membuat perbandingan harga.

Jika sebelum ini seseorang yang menghantar kenderaan untuk diperbaiki akan membayar berapa sahaja yang telah ditetapkan apabila selesai kerja pemberian kelak, kini mereka mampu untuk membuat pilihan bengkel melalui perbandingan harga antara bengkel-bengkel yang terdapat di sekitar mereka. Pengguna berhak untuk mendapatkan anggaran kos yang harus dibayar sebelum kerja-kerja pemberian dilakukan. Oleh itu ia telah dapat membantu pengguna untuk merancang perbelanjaan mereka.

Penguatkuasaan ini juga dilihat dapat mengawal dan memantau bengkel-bengkel pemberian kenderaan dari aspek harga yang ditetapkan. Jika sebelum ini terdapatnya perbezaan harga alat ganti yang ketara antara bengkel-bengkel, mungkin hari ini ia tidak timbul lagi kerana ia telah mewujudkan satu persaingan yang sihat antara pengusaha bengkel untuk menarik pelanggan dengan penawaran harga yang lebih menarik.

Di peringkat awal ini, kemungkinan pengusaha-pengusaha bengkel menghadapi permasalahan dari sudut pelaksanaannya, kementerian dan pihak yang bertanggungjawab harus memainkan peranan untuk memberi penerangan, taklimat, dan modus operandi kepada pengusaha-pengusaha bengkel mengaplikasikannya di bengkel masing-masing.

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan ini harus dilihat sebagai satu langkah yang mampu untuk memberi impak yang baik kepada pengguna dan pengusaha bengkel seterusnya kepada pembangunan ekonomi negara demi kesejahteraan semua.

Oleh: Rosmadi Abd. Manaf, Kuala Lumpur

Garis Panduan Pengguna Bagi Perkhidmatan Bengkel

Pengguna perlulah mengetahui hak-hak mereka semasa mendapatkan perkhidmatan di bengkel iaitu :

- Anggaran kos secara bertulis sebelum kerja-kerja membaiki bermula.
- Memberi persetujuan (consent) terhadap kerja yang hendak dilakukan dan jangan tandatangan borang kerja kosong.
- Mengetahui mengenai mana-mana kerja melebihi anggaran tersebut dan meluluskan atau menolaknya.

- Invois terperinci untuk bil terakhir. Invois menunjukkan caj perkhidmatan dan harga alat ganti yang dikenakan.
- Invois mestilah nyatakan apakah jenis perkhidmatan dan alat ganti yang diberi jaminan (*warranty*). Semua syarat-syarat mestilah bertulis.
- Pengguna perlulah melihat dan diberitahu harga alat ganti yang hendak digunakan dan caj perkhidmatan yang dikenakan.
- Memeriksa dan menerima kesemua alat yang diganti. Minta pengusaha bengkel menyimpan alat ganti yang lama untuk diperiksa oleh pengguna.

SELUDUP

Kisah berlaku di sempadan.....

Seorang lelaki sering melintasi sempadan dengan menaiki basikal serta membawa dua buah guni pasir. Perbuatannya itu telah diperhatikan oleh pihak imigresen dan mengesyaki lelaki tersebut membuat kerja penyeludupan.

Lalu pihak imigresen menahan lelaki tersebut dan bertanya apa yang dibawa dalam guni tersebut.....lelaki tersebut menjawab "pasir encik".

Pegawai imigresen tidak percaya lalu membuka guni tersebut. Setelah diperiksa memang hanya pasir sahaja yang terdapat dalam guni itu.

Keesokkan hari dan hari-hari seterusnya lelaki itu membuat

kerja seperti biasa.....

Membawa basikal dengan dua guni berisi dengan pasir....

Walau bagaimanapun pegawai imigresen masih tidak puas hati lalu menahan lagi lelaki itu.....

Apabila diperiksa hanya pasir terdapat dalam dua guni itu.....

Setelah tiga tahun berlalu.....lelaki itu tidak lagi melakukan kerjanya yang dulu.....

Suatu hari pegawai imigresen terjumpa lelaki tadi di kedai kopi.....

Pegawai imigresen pun bertanya....."sebenarnya apa kerja kamu?"

Jawab lelaki itu....."seludup basikal".....

sambungan dari mukasurat 8

ii. Ketagihan

- Kajian telah membuktikan bahawa heroin, kokain dan nikotin memberi kesan ke atas otak.
- Seperti dadah nikotik lain, nikotin dalam tembakau bertindak di bahagian otak yang dikenali sebagai "nucleus accumbens" dengan cara yang sama.
- Rangsangan di bahagian ini akan menghasilkan "dopamine" iaitu sejenis neurotransmitter yang berhubungkait dengan ketagihan, emosi dan keseronokan.
- Jangan mudah terpedaya kerana merokok adalah satu bentuk ketagihan yang perlu dijauhi.

iii. Ketrampilan diri

- Bau busuk - asap rokok mengandungi gas yang berbau busuk dan boleh melekat pada tubuh, pakaian, perkakas dan peralatan persekitaran.
- Gigi berwarna - nikotin yang berwarna kuning dan boleh mengotorkan kuku dan gigi menyebabkan wajah seseorang perokok itu kurang menarik.
- Kulit berkedut - racun-racun dalam rokok akan mengecutkan saluran darah yang membekalkan nutrient kepada pelbagai bahagian tubuh. Apabila saluran darah ke kulit terjejas, kulit mudah rosak dan kelihatan tua lebih awal.

iv. Penyakit dan kesan akibat merokok

- Penyakit jantung
- Kanser
- Penyakit saluran pernafasan
- Strok (angin ahmar)
- Kurang kesuburan & mati pucuk

v. Perokok Pasif - seorang yang bukan perokok, tetapi terpaksa menghidu asap rokok orang lain.

- Kesan bagi perokok pasif dewasa - boleh diserang penyakit-penyakit seperti perokok aktif (para iv).
- Kanak-kanak - mudah diserang pelbagai penyakit pernafasan seperti lelah, dan penyakit telinga serta gangguan perkembangan otak.
- Janin - ibu mengandung boleh mengakibatkan kandungannya mengalami pelbagai masalah dan komplikasi serta juga keguguran.

Kesan tembakau terhadap ekonomi

- Merokok adalah satu tabiat pembaziran.
- Pembaziran yang dilakukan oleh perokok (1 pak / hari):

i. 1 hari	RM4.30	=	makanan
ii. 1 bulan	RM129	=	'walkman'
iii. 1 tahun	RM1,548	=	kamera digital
iv. 3 tahun	RM4,644	=	motosikal

- Perokok (aktif / pasif) lebih kerap bercuti sakit berbanding bukan perokok.
- Contoh kos perubatan yang perlu ditanggung perokok apabila dirawat di kemudahan swasta (*termasuk rawatan untuk ahli keluarga yang menjadi perokok pasif*):

Jangkitan salur pernafasan	= RM20.00
setiap lawatan	
(jika 6 kali setahun)	= RM120.00

Kaedah berhenti merokok

- Membuat keputusan berhenti merokok
 - Fikirkan faedah yang diperolehi jika berhenti merokok.
 - Kenali sebab yang menghalang keputusan untuk berhenti.
 - Tentukan tindakan bagi mengatasi keimbangan bagi halangan itu.
 - Tanamkan tekad untuk buat keputusan.
- Membuat persediaan berhenti merokok
 - Fahami bila dan kenapa anda merokok.
 - Ubah kebiasaan merokok.
 - Tetapkan tarikh untuk berhenti.
 - Dapatkan sokongan keluarga dan rakan.
 - Rancang kehidupan harian tanpa merokok.
- Mulakan berhenti merokok
 - Bersihkan - buang semua rokok dan bekas habuk rokok.
 - Buat nota peringatan dan galakan bahawa anda sekarang bukan lagi seorang perokok.
 - Lakukan sahaja - terus berhenti.
 - Tumpukan perhatian pada hari yang dilalui - beri tahniah kepada diri sendiri setiap kali berjaya mengatasi keinginan merokok
 - Fikir positif.
 - Dapatkan sokongan.
 - Lawan keinginan untuk merokok dengan mengamalkan '4M'
 - ▲ Melengahkan tindakbalas, katakan 'nanti' setiap kali ingin merokok.
 - ▲ Menarik nafas panjang perlahan-lahan sebanyak 3 kali.
 - ▲ Minum air kosong banyak-banyak.
 - ▲ Membuat sesuatu bagi mengalihkan fikiran daripada rokok, contohnya bersiar, telefon kawan, baca buku, berkebun dan lain-lain.

- Mengelakkan berhenti merokok
 - Fikir positif
 - Lawan fikiran negatif
 - Beri ganjaran untuk diri anda

Pengguna bersama Ariff



e-mail : buletin@kpdnhq.gov.my

Kini, penggunaan kad kredit di kalangan pengguna semakin meningkat. Kajian menunjukkan lebih 3.5 juta kad kredit telah diedarkan di seluruh negara. Jika dahulu, untuk mendapatkan sekeping kad kredit, pemohon perlu melalui pelbagai proses seperti mengisi borang permohonan, menyediakan salinan slip gaji, bukti alamat dan sebagainya yang menyulitkan permohonan. Namun kini, hampir semua bank berebut menyediakan kad kredit kepada semua pemegang akaunnya. Ini menunjukkan pengguna semakin menuju kepada masyarakat tanpa tunai (cashless society), pengguna lebih selesa menggunakan kad sebagai kaedah pembayaran daripada menggunakan wang tunai.

Pengguna yang bijak akan dapat menggunakan kemudahan kad kredit dengan baik, tetapi bagi pengguna yang boros dan tidak berhati-hati dalam perbelanjaannya, penggunaan kad kredit boleh menyebabkan dia menanggung beban hutang yang banyak.

Sejak penggunaan kad kredit diperkenalkan, terdapat juga pihak

Mengelakkan Penipuan Kad Kredit

yang tidak bertanggungjawab mengeksplorasi kemudahan ini dengan meniru atau mengeluarkan kad kredit palsu untuk kegunaan mereka. Selepas mendapatkan maklumat pemegang kad melalui pelbagai cara penipuan, golongan penjenayah ini akan menghasilkan kad klon atau palsu untuk digunakan dengan sesuka hati. Pengguna yang menjadi mangsa akan menanggung kos yang tinggi apabila mereka terpaksa membayar bil kad kredit yang mereka tidak gunakan. Justeru itu, berikut dipaparkan beberapa cadangan untuk mengelakkan penipuan terhadap kad kredit anda;

- Tandatangan kad baru anda sejurus anda menerima dan potong kad yang sudah tamat tempohnya.
- Apabila berbelanja menggunakan kad kredit, pastikan anda dapat melihat dengan jelas transaksi atau urusniaga yang dilakukan oleh jurujual yang memproses kad anda.
- Jika anda kehilangan kad anda, laporkan dengan segera kepada bank yang mengeluarkannya. Pastikan anda menyimpan nombor perkhidmatan pelanggan bank berkenaan sentiasa.
- Jika anda mendapati sesuatu transaksi yang mencurigakan dalam
- penyata bulanan anda, segeralah menghubungi bank yang mengeluarkan kad anda untuk mendapatkan penjelasan sewajarnya.
- Jangan benarkan orang lain menggunakan kad anda.
- Sila semak dan pastikan anda menerima kad anda yang sebenarnya daripada juruwang untuk memastikan kad tersebut tidak dirosakkan atau disalin.
- Jangan dedahkan nombor PIN atau menulisnya di atas kad anda. Pastikan anda menghafal dan ingat nombor PIN berkenaan.
- Pastikan anda menyimpan resit pembelian supaya anda dapat membuat semakan dalam penyata bulanan anda.
- Jangan menandatangani resit atau slip bayaran yang kosong semasa anda membuat perbelanjaan menggunakan kad kredit.
- Pastikan anda tidak memberi maklumat-maklumat kad kredit anda semasa pembelian melalui telefon.

Penyata Gaji Bukan Sekadar Tatapan

Akhir bulan sebelum atau sesudahnya gaji anda masuk, biasanya anda akan menerima penyata gaji. Apa yang anda lakukan saat menerimanya? Langsung menyimpannya atau mengamatinya dengan lebih lama? Sebaik-baiknya gunakan penyata gaji anda sebagai bahan ketika mengendalikan kewangan anda. Saat anda menerima penyata gaji, perlakukan penyata gaji dengan sebaik-baiknya untuk tujuan bila tibanya ‘musim kering’ atau sewaktu wang anda mengalir terlalu banyak pada suatu bulan, inilah saatnya anda memerlukan penyata gaji untuk mengatur kewangan anda. Mulakan dari sekarang.....

Pakar menyarankan anda membahagi-bahagikan dalam peratusan gaji anda untuk menutup segala keperluan meliputi segala bentuk pelaburan, belanja bulanan atau dana tambahan untuk tujuan tertentu. Anda boleh mencuba susunan berikut:

- Sisihkan 30 peratus untuk pembayaran kos atau sewa rumah. Usahakanlah anggaran bayaran untuk rumah anda setimpal dengan gaji yang anda dapat. Yang penting jangan sampai melebihi 30 peratus dari gaji anda. Adalah lebih baik sekiranya kos atau sewa rumah berada di bawah angka tersebut. Ini untuk membolehkan gaji anda dapat diagihkan untuk keperluan lain yang sama pentingnya dengan tempat kediaman. Sekiranya kos sewa rumah yang lebih daripada 30 peratus, anda terpaksa mengubah peratusan untuk perbelanjaan lain.
- Gunakan 20 peratus untuk menabung atau pelaburan. Anda boleh menggunakan pelbagai alternatif pelaburan mulai yang konvensional iaitu yang berisiko rendah seperti tabungan sehingga kepada pelaburan yang berisiko tinggi seperti bursa saham. Atau sekiranya anda ingin menabung sambil berhias simpan sahaja dalam bentuk barang kemas.

- Ketepikan 30 peratus untuk keperluan hidup sehari-hari. Dari makanan sehingga kepada pengangkutan yang anda gunakan setiap hari dan juga pembayaran kad kredit anda masukkan dalam subjek ini. Subjek ini juga penting dalam merancang perbelanjaan kerana ini merupakan perkara pokok dalam kehidupan sehari-hari. Biasanya pengguna gagal merancang untuk subjek ini kerana perubahan dalam perbelanjaan, terutama bahagian makanan. Cuba untuk tidak berbelanja terhadap makanan terlalu banyak seperti makanan yang mahal atau selalu ke restoran yang mewah.
- Ketepikan pula dana tambahan sebanyak 20 peratus. Jadi sekiranya anda ada keperluan mendadak atau di luar anggaran biasa, gunakan tabung ini. Jangan gunakan tabungan ini sehingga melebihi jumlah yang disimpan. Anda boleh menggunakan dana ini untuk membeli barang yang diidamkan, atau hadiah kepada teman-teman yang menyambut ulang tahun, perkahwinan dan sebagainya. Namun dana ini tetap penting untuk mengelakkan anda berbelanja mengguna wang tabungan atau simpanan yang lain. Untuk menambah tabungan, anda terpaksa merancang dengan bijak sebelum berbelanja mengikut kadar kemampuan yang dimiliki masing-masing.

Artikel ini cuma sebuah saranan. Mungkin anda ada mempunyai cara tersendiri untuk menguruskan kewangan atau gaji bulanan yang anda terima. Namun apa pun caranya, anda patut tahu mengendalikan kewangan supaya jumlah dalam tabungan sentiasa meningkat. Bila anda mula mempraktikkannya, cuba terapkan selama 12 bulan ke hadapan dan hitung hasilnya. Sukses untuk anda.

Oleh: Noor Madati Ab Rahman

BAHAGIAN PENGUATKUASA :

- Bilik Gerakan K. Lumpur : 03-40436888/03-40437888 • Wilayah Persekutuan K. Lumpur : 03-40454555
- Kuala Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-40433366
- Perlis** • Kangar : 04-9761478 **Kedah** • Alor Setar : 04-7339062 • Sg. Petani : 04-4205108 • Langkawi : 04-4213400 • Kulim : 04-4963700
- Pulau Pinang** • P. Pinang : 04-2616168 • Seberang Prai : 04-3317500 **Perak** • Ipoh : 05-2555001 • Taiping : 05-8098801 • Teluk Intan : 05-6227967 • Grik : 05-7941000 • Manjong : 05-6871100 **Selangor** • Shah Alam : 03-55184102 • Kajang : 03-87381191 • K. Kubu Baru : 03-60642495 • Kuala Selangor : 03-32898559 • Sepang : 03-87065067 **Wilayah Persekutuan** • Kuala Lumpur : 03-40422355 • Labuan : 087-417669 **Negeri Sembilan** • Seremban : 06-7630911 • Kuala Pilah : 06-4821050 • Port Dickson : 06-6461501 **Melaka** • : 06-2820422 **Johor** • Johor Bahru : 07-2234699 • Kluang : 07-7736877 • Muar : 06-9521094 • Mersing : 07-7981001 • Batu Pahat : 07-4355478
- Segamat : 07-9333400 **Pahang** • Kuantan : 09-5121234 • Temerloh : 09-2961688 • Raub : 09-3551670 **Terengganu** • K. Terengganu : 03-6221234 • Kemaman : 09-8591919 • Besut : 09-6902204 **Kelantan** • Kota Bahru : 09-7447187 • Kuala Krai : 09-9666368 **Sabah** • K. Kinabalu : 088-235702 • Sandakan : 089-201301 • Tawau : 089-776690 • Kudat : 088-615310 • Keningau : 087-3384001 • Lahad Datu : 089-886090 **Sarawak** • Kuching : 082-245202 • Sibu : 084-329202 • Miri : 085-412862 • Bintulu : 086-332176 • Sarakei : 084-654414
- Kapit : 084-797664 • Limbang : 085-217414

PEJABAT-PEJABAT PENDAFTARAN PERNIAGAAN :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-40433366 • Alor Setar : 04-7318277 • Butterworth : 04-3327793 • Ipoh : 05-2547913 • Kota Bahru : 09-7484599 • Kuantan : 09-553600 • K. Terengganu : 09-6237170 • Johor Bahru : 07-2244710 • Melaka : 06-2821822 • Labuan : 087-408016

BAHAGIAN HARTA INTELEK :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-22742100 • Kota Kinabalu : 088-233571 • Kuching : 089-259 073/259 075

BAHAGIAN HAL EHWAH PENGGUNA : 03-22742100

BAHAGIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI : 03-22742100

PEJABAT-PEJABAT PENDAFTARAN SYARIKAT :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-40433366 • Alor Setar : 04-7330111 • P. Pinang : 04-3332081 • Ipoh : 05-2416900 • Kuantan : 09-553866
- Kota Bahru : 09-7482860 • Kota Kinabalu : 088-233346 • Kuching : 082-428499 • Labuan : 087-414100



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna

Pejabat-pejabat Penguatkuasa di Ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

